

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]

SOALAN NO. 260

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian ada perancangan untuk membina sebuah hospital baru di dalam kawasan Parlimen Nibong Tebal. Jika ada, jelaskan perincian penjadualan pembinaan hospital tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, penduduk kawasan Parlimen Nibong Tebal mendapatkan khidmat perubatan daripada Hospital Sungai Bakap yang terletak hanya 7 kilometer dari kawasan Nibong Tebal. Kadar penggunaan katil bagi hospital ini masih menunjukkan kadar yang rendah iaitu pada kadar 50.67% pada tahun 2017 dan ia masih boleh menampung keperluan penduduk setempat. Selain Hospital Sungai Bakap, Parlimen Nibong Tebal juga turut mendapatkan khidmat perubatan daripada hospital yang terdekat iaitu di Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam yang terletak dalam lingkungan 20 – 25 kilometer dari kawasan Parlimen Nibong Tebal.

Bagi menampung perkhidmatan bagi kawasan Parlimen Nibong Tebal, beberapa inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dibuat:

- i. Mengadakan khidmat kepakaran, di mana kes-kes kritikal yang memerlukan sumber kepakaran akan di rujuk ke hospital pakar iaitu Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam. Jumlah kes rujukan dari Hospital Sungai Bakap ke hospital pakar yang lain pada tahun 2016 adalah seramai 3129 orang dan pada tahun 2017

adalah seramai 2918 pesakit. Manakala lawatan doktor pakar ke Hospital Sungai Bakap untuk disiplin-disiplin tertentu juga telah di tambahkan mengikut jadual. Melalui inisiatif-inisiatif ini, maka rawatan yang lebih optima dapat diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital Sungai Bakap;

- ii. Untuk makluman, dalam usaha pihak KKM untuk mengurangkan kesesakan di Hospital Seberang Jaya, satu projek pembinaan *Multistorey Block* yang memberi tambahan 316 katil telah bermula pada Mei 2016 dan dijangka siap pada Jun 2020. Projek ini mempunyai skop yang menyeluruh dengan pembinaan pelbagai wad seperti wad bagi disiplin Perubatan Am, Pembedahan, Ortopedik, Oftalmologi, ENT dan Psikiatrik. Selain itu,projek ini juga merangkumi skop Jabatan Kecemasan dan Trauma, Klinik Pakar, Unit Rawatan Rapi dan Dewan Bedah; dan
- iii. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang juga telah melaksanakan Konsep Hospital Kluster sejak tahun 2016 yang merangkumi Hospital Seberang Jaya , Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap merupakan hospital kluster Seberang Perai yang berkongsi fasiliti, khidmat kepakaran dan sumber-sumber lain dengan Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam. Oleh itu, buat masa ini belum ada keperluan mendesak untuk membina hospital baru di kawasan Parlimen Nibong Tebal.

Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa meneliti sekiranya ada keperluan mendesak di masa hadapan dan memastikan kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan perkhidmatan rawatan dan kepakaran yang baik dan mencukupi kepada masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.